

Hari Keluarga Kekaumas 2018 meriah

UB 16.8.2018 A9

KOTA KINABALU: Hari Keluarga bagi Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) 2018 telah diadakan dengan meriah di ODEC UMS, di sini pada Sabtu.

Hari keluarga yang dihadiri oleh kira-kira 300 ahli Kekaumas itu telah dirasmikan oleh Penolong Pendaftar Kanan Jabatan Pendaftar UMS Junieزام Juka.

Beberapa acara sukaneka telah diadakan pada program itu yang bermula dengan acara kanak-kanak hinggalah dewasa.

Dalam ucapannya, Junieزام berkata satu-satunya aktiviti yang terbaik untuk mengukuhkan

hubungan silaturahim antara semua ahli adalah dengan mengadakan hari keluarga kerana ia membolehkan mereka berkenal-kenaln antara satu sama lain, sama ada ahli lama atau baharu.

“Peluang menghadiri hari keluarga seharusnya direbut oleh semua ahli yang inginkan suasana meriah dan gembira setelah penat memeras fikiran di pejabat.

“Pihak pengurusan UMS amat memandangkan berat mengenai pewujudan Kekaumas di universiti ini sejak dari mantan Presiden Amat Jutrah lagi,” katanya.

Tambah Junieزام, penyaluran berbagai masalah ke pihak pengurusan amat disenangi dan diambil



AMAT Jutrah (tiga kiri) merakamkan gambar bersama Junieزام selepas penyerahan sumbangan Tabung Kebajikan Kekaumas.

perhatian tetapi ia bukanlah satu keputusan daripada pihak Exco Kekaumas namun, akan diputuskan dan dibincang di peringkat

Majlis Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ).

Sehingga kini katanya, hampir 90 peratus permasalahan yang dibawa oleh pihak Kekaumas telah dapat diselesaikan melalui MBJ.

Terdahulu itu, Presiden Kekaumas Abdul Jalil Sapi mengucapkan terima kasih kepada Junieزام selaku wakil Pendaftar UMS kerana sudi meluangkan masa bersama di Hari Keluarga Kekaumas kali kedua itu.

Katanya hari keluarga sememangnya telah lama dirancang oleh mantan presiden dan Alhamdulillah, ia telah berjaya dilaksanakan dengan begitu meriah sekali.

“Kita berharap pada hari keluarga akan datang,



ACARA lari dalam kain sarung berpasangan menjadi tarikan ahli Kekaumas.



AHLI Kekaumas bersama anak-anak mereka.

penglibatan dan penyertaan para ahli akan dapat ditingkatkan lagi,” katanya.

Antara program yang diatur adalah penyampaian sumbangan RM500 setiap seorang daripada Tabung

Kebajikan Kekaumas kepada semua pesara ahli Kekaumas yang telah menjadi ahli selama 10 tahun.

Acara sukaneka melibatkan senamrobik, lari dalam kain sarung berpasangan, boling

kelapa, isi air dalam botol, tiup belon, baling belon, larian kerusi berirama dan lain-lain lagi.

Sumbangan dan hadiah telah disampaikan oleh Junieزام.



AHLI Kekaumas bersama tetamu jemputan.